



وَرَبْدَانِنِ كَمَا جَوَانًا قَضَارِنِ كَلَنْتِنِ
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

BAGI TAHUN 2024 - 2028



Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani,
Peti Surat 142, 15710 Kota Bharu, Kelantan
Tel : 09-741 4141 | Faks : 09-741 4140
Laman Web : www.pkink.gov.my
Emel : pkink@pkink.gov.my | Tiktok : @pkink_official
Facebook: Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan-PKINK

ISI KANDUNGAN

■ MUKADIMAH

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK	3
Kata Alu-aluan Ketua Urusetia OACP PKINK	4
Penghargaan	5
Penafian	5
Kata Singkatan	5

■ BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Keseluruhan Laporan	8
1.2 Ringkasan Eksekutif	9
1.3 Punca Kuasa	10
1.4 Latar Belakang PKINK	11

■ BAB 2 : TINJAUAN MENGENAI ANTI RASUAH

2.1 Polisi Pencegahan Rasuah PKINK	13
2.2 Penilaian Risiko Rasuah	14
2.3 10 Risiko Tertinggi	16

■ BAB 3 : PEMBANGUNAN OACP PKINK

3.1 Pengenalan kepada OACP	19
3.2 Objektif OACP	20
3.3 Pendekatan 7 Langkah	21
3.4 Bidang Keutamaan Dan Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah	22
3.5 Rangka Kerja OACP	23

■ BAB 4 : PELAN TINDAKAN OACP

4.1 Prinsip Dan Matlamat Strategik	25
4.2 Parameter Utama	26
4.3 Pecahan Bidang Keutamaan (Strategi)	27
4.4 Gambaran Keseluruhan OACP PKINK	28
4.5 Impak dan Kerumitan	30
4.6 Sukuan Impak Dan Kerumitan	31
4.7 Garis Masa	34

ISI KANDUNGAN

■ BAB 5 : PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

5.1	Petunjuk	37
5.2	Semakan	38
5.3	Struktur Pelaporan	39

■ BAB 6 : KESIMPULAN

6.1	Ringkasan	44
6.2	Faktor Risiko	45
6.3	Faktor Kritikal Untuk Kejayaan	46

■ LAMPIRAN

A.	Sekalung Penghargaan Kepada Semua Pegawai / Anggota Yang Terlibat	48
B.	Galeri Foto	58
C.	Butiran Terperinci Inisiatif	62





MUKADIMAH



Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PKINK bagi Tahun 2024 - 2028 dapat dibangunkan dengan jayanya hasil usahasama dan komitmen semua Bahagian di PKINK.

Matlamat pelan ini adalah selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Nasional (National Anti Corruption Plan "NACP") iaitu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus menghapuskan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej Negara sebagai sebuah Negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam pelan ini juga adalah selaras dengan Prinsip Tatakelola Baik yang diperkenalkan dalam Strategik Pembanterasan Rasuah Nasional (National Anti Corruption Strategy "NACS") iaitu Ketelusan, Memperkukuh Akauntabiliti, Kecekapan dan Keberkesanan. Pembangunan OACP ini juga merupakan inisiatif daripada Pelan Anti Rasuah Negeri Kelantan (KACP) di bawah Bidang Keutamaan Tadbir Urus Korporat yang merupakan salah satu usaha PKINK selaku Badan Berkanun Negeri bagi memastikan nama baik Kerajaan Negeri Kelantan yang berstatus Sifar Rasuah terjaga dan berkekalan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membangunkan Pelan OACP PKINK ini. Saya juga menyeru seluruh warga kerja PKINK agar kita sama-sama dapat menghayati setiap intipati yang terkandung dalam pelan ini. Kita juga perlu memberikan komitmen penuh dengan menzahirkan setiap inisiatif yang telah dirancang bagi memastikan PKINK ke arah organisasi yang sentiasa progresif, responsif dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

(Dato' Sr. Haji Zamri Bin Haji Ismail)



Kata Alu-Aluan

Ketua Urusetia OACP PKINK

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana melalui kerjasama semua pihak akhirnya PKINK mampu membentuk dan menghasilkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PKINK bagi Tahun 2024 - 2028 yang komprehensif di peringkat jabatan di mana ia merupakan salah satu usaha jabatan dalam mendukung aspirasi Kerajaan.

Pelan OACP PKINK merupakan salah satu tanggungjawab Bahagian Perundangan & Integriti PKINK yang bertepatan dengan fungsi bahagian kami iaitu memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan dalam Kumpulan PKINK.

Terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' Sr. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kerana telah meluluskan cadangan untuk membangunkan OACP PKINK dan tidak dilupakan kepada semua Pengurusan PKINK yang turut menyokong dan memberi kerjasama bagi memastikan Program Pembangunan OACP PKINK ini berjalan dengan lancar. Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam pelan ini terhasil daripada perbincangan dan sesi brainstorming semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management "CRM") dan Bengkel Khas Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi PKINK. Bagi Pelaksanaan Pembangunan Pelan ini, PKINK juga telah mendapat khidmat nasihat daripada Pertubuhan Anti Korupsi Malaysia (PAKAR) sebagai konsultan yang bertauliah.

Diharapkan agar pelan ini dapat dijadikan sebagai suatu mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi digunakan ke arah pemantapan governans, integriti dan Anti Rasuah. Semoga inisiatif-inisiatif melalui pelan ini dapat dilaksanakan dan sedikit sebanyak sekaligus dapat menunjukkan kesungguha komitmen PKINK dalam menangani permasalahan berkaitan integriti dan rasuah.

Akhir kata, sekalung ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua pegawai/ anggota yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan serta mewujudkan Pelan Anti Rasuah Organisasi PKINK bagi Tahun 2024 - 2028 ini.
Sekian, terima kasih.

(Hajjah Ahlaami Binti Ab. Halim)

MUKADIMAH

PENGHARGAAN

PENAFIAN

KATA SINGKATAN

PENGHARGAAN

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (“PKINK”) ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Urusetia yang bertanggungjawab dan Pengurusan atas sokongan berharga mereka dalam penghasilan dokumen ini. PKINK juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pengurus Kanan/ Pengurus Bahagian dan semua pegawai/ anggota atas kerjasama dan penglibatan dalam menghasilkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PKINK ini. Mereka telah memberikan sokongan penuh dan tidak melepaskan sebarang usaha dari segi masa, kepakaran dan input berharga melalui siri bengkel yang telah diadakan untuk memastikan OACP ini siap pada masanya dan menangani cabaran operasi PKINK dengan tepat. Akhir sekali, PKINK merakamkan penghargaan kepada perunding kami daripada Pertubuhan Anti Korupsi Malaysia (PAKAR) di atas kepakaran, khidmat nasihat dan bimbingan mereka dalam menyediakan dokumen ini.

PENAFIAN

Laporan ini disediakan berdasarkan maklumat yang dikumpul daripada pegawai/ anggota PKINK semasa perbincangan dan bengkel OACP. Walau pun segala usaha dibuat untuk mengesahkan ketepatan dan kesempurnaan maklumat yang dikumpul, laporan ini mungkin tidak menggambarkan sepenuhnya isu tadbir urus dalaman PKINK.

Laporan ini tidak berfungsi sebagai laporan tunggal atau maklumat lengkap akhir tentang kecukupan PKINK dalam menangani keperluan Garis Panduan Tatakelola Pengurusan. Pembaca laporan ini hendaklah diingatkan bahawa maklumat dalam laporan ini mungkin tidak muktamad dan pengguna hendaklah memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk bertindak mengikut kandungannya.

KATA SINGKATAN

Singkatan berikut digunakan sepanjang dokumen ini

PKINK	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
KPEK	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
OACP	“Organisation Anti Corruption Plan” / Pelan Anti Rasuah Organisasi
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
JTK	Jawatankuasa Tatakelola
CRA	“Corruption Risk Assesment” / Penilaian Risiko Rasuah
CRM	“Corruption Risk Management” Pengurusan Risiko Rasuah
UI	Unit Integriti
Bahagian	Jabatan yang Bertanggungjawab
SUK	Setiausaha Kerajaan
PYB	Pegawai Yang Bertanggungjawab



BAB 1

BAB 1

PENGENALAN

1.1 KESELURUHAN LAPORAN

Dokumen ini menggariskan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) untuk Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk tempoh sedang berjalan 2024 dan juga mengikut Pelan Strategik PKINK yang akan berakhir bagi tempoh 2024 - 2028. Tujuan perancangan Pelan Strategik adalah untuk mengenal pasti risiko rasuah utama yang berkaitan dengan operasi PKINK, dan menerangkan inisiatif dan tindakan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Dokumen OACP ini bertujuan untuk memenuhi objektif berikut:

- Untuk menjadikan tindakan ini sebagai asas amalan Anti Rasuah, dan juga penerapan budaya perkhidmatan yang beretika dalam organisasi;
- Untuk membantu dalam mencegah, mengenal pasti dan bertindak kepada amalan rasuah, dan mematuhi undang-undang pencegahan rasuah yang sedia ada serta menggunakan amalan terbaik; dan
- Untuk memberi jaminan kepada Pengurusan, pegawai/ anggota, pelanggan, syarikat bersekutu dan pihak berkepentingan yang lain bahawa PKINK bersedia dalam melaksanakan tapisan integriti untuk setiap aktiviti dan jawatan berisiko tinggi untuk pencegahan rasuah dalam operasinya.

Bab 1 memberi maklumat latar belakang mengenai PKINK, termasuk siapakah kami dan falsafah operasi kami.

Bab 2 menghuraikan metodologi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diguna pakai dalam menghasilkan laporan OACP bermula daripada meneliti profil organisasi sehinggalah kepada mengukur kesan inisiatifnya. Ia juga menyenaraikan pelbagai risiko dan cabaran yang dihadapi dalam persekitaran operasi semasa PKINK. Ini termasuk penemuan hasil daripada bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang telah dilaksanakan sebelum bengkel OACP. Kejayaan OACP bukan sahaja terhad kepada mengenal pasti risiko rasuah dan melaksanakan pelan tindakannya, tetapi juga dalam memahami model operasi organisasi dan mengaitkan setiap risiko dengan Misi dan Visi PKINK.

Dalam **Bab 3** kami menggariskan objektif OACP PKINK dan mengenal pasti bidang keutamaan yang akan diberi tumpuan.

Bab 4 menerangkan inisiatif khusus untuk menangani risiko rasuah PKINK. Setiap satu mempunyai tahap impak dan kerumitan yang berbeza, dan dipantau sepanjang 5 tahun OACP.

Setelah dilaksanakan, OACP mesti dipantau dan dinilai untuk menentukan ia berfungsi seperti yang diharapkan dan bersedia untuk menangani sebarang perubahan dalam risiko yang mungkin berlaku sepanjang kitaran hayatnya.

BAB 1

PENGENALAN

Proses ini diterangkan dalam **Bab 5**, termasuk struktur untuk melaporkan kemajuan OACP.

Akhir sekali, **Bab 6** mengetengahkan faktor-faktor dalaman dan luaran yang boleh memberi kesan kepada hasil OACP. Turut disertakan pendapat terpilih daripada pegawai/ anggota PKINK mengenai jangkaan mereka terhadap OACP.

Dokumen yang lengkap menyediakan arah perjalanan yang jelas untuk inisiatif Anti Rasuah PKINK sepanjang tempoh “Sedang Berjalan” pada 2024 dan 4 tahun dari 2025 hingga 2028, dan akan memacu PKINK pada landasan tadbir urus yang lebih kukuh.

1.2

RINGKASAN EKSEKUTIF

OACP merangkumi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan secara keseluruhan. Ia dirumuskan dengan tujuan untuk membantu PKINK membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuahnya sendiri.

Bengkel OACP telah dijalankan pada 11 dan 12 September 2024 di Hotel Primula, Kuala Terengganu. Ia dihadiri 30 peserta yang mewakili 11 Bahagian terlibat di PKINK. Senarai peserta ditunjuk di Lampiran A.

OACP yang dihasilkan meliputi aktiviti yang diklasifikasii sebagai Sedang Berjalan dan dituruti 5 tahun mengikut Pelan Strategik Organisasi dari 2024 - 2028 yang dibahagikan kepada 3 jangka masa iaitu Jangka masa Pendek (2024 - 2025), Jangka masa Sederhana (2026 - 2027) dan Jangka masa Panjang (2028).

Sebanyak 25 inisiatif yang dikenal pasti semasa bengkel CRM pada 26 - 27 Jun 2024 telah dimaktubkan di dalam OACP PKINK. 36% daripada inisiatif tersebut Sedang Berjalan, manakala selebihnya 64% daripada jumlah inisiatif mempunyai tahap impak yang tinggi mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Turut disertakan petunjuk “indicator” untuk memantau dan mengukur keberkesanan OACP dalam mencapai matlamatnya.

BAB 1

PENGENALAN

1.3 PUNCA KUASA

Punca kuasa untuk pembangunan OACP di jabatan kerajaan termaktub di dalam Arahan YAB Perdana Menteri No: 1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti dan Anti Rasuah dan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: “Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional”.

Di bawah Strategik 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat, Objektif Strategik 6.2 ialah Memastikan Daya tahan terhadap ancaman rasuah di entiti korporat. Inisiatif 6.2.1 khususnya “Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)”.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 17 Bil. 1 Tahun 2023 pada 6 Julai 2023, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, memutuskan untuk menggubal Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS). Langkah strategik ini, yang selari dengan piawai antarabangsa, merupakan kesinambungan usaha NACP untuk memerangi rasuah dengan berkesan. Ada beberapa kekangan yang menyebabkan inisiatif-inisiatif NACP tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah dipertimbangkan ke dalam Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (National Anti Corruption Strategy “NACS”) untuk dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada NACP. Strategi yang diintegrasikan ini memungkinkan satu pendekatan menyeluruh untuk memerangi rasuah, menangani cabaran cabaran mendatang sekali gus meneruskan pencapaian inisiatif-inisiatif sebelumnya.



ANTI

RASUAH

BAB 1

PENGENALAN

1.4 LATAR BELAKANG PKINK

01

SIAPA KAMI

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) merupakan sebuah Badan Berkanun Negeri yang telah diperbadankan di bawah Enakmen No.10, Tahun 1966 dan mula beroperasi pada 10 November 1969. PKINK ditadbir oleh Ahli Perbadanan yang dipengerusi oleh YAB Menteri Besar Kelantan.

PKINK mengamalkan 3 Teras Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1990 iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah & Itqan (UMI).

OPERASI UTAMA KAMI

Operasi utama PKINK adalah melaksanakan Pembangunan Ekonomi Negeri dengan melaksanakan Projek- projek pembangunan negeri dan Persekutuan, pembangunan usahawan, sewaan kilang dan premis perniagaan.

PKINK di bawah operasi Anak Syarikat Kumpulan PKINK mempunyai Enam (6) Sektor Utama iaitu :

- | | |
|-----------------------|----------------------|
| ■ Sektor Perkhidmatan | ■ Sektor Perladangan |
| ■ Sektor Hartanah | ■ Sektor Pertanian |
| ■ Sektor Galian | ■ Sektor Perakayuan |

02

03

VISI KAMI

Memacu Masa Depan Negeri Kelantan

MISI KAMI

Sebuah Badan Korporat yang Bertanggungjawab Dalam Menerajui Pembangunan dan Pertubuhan Ekonomi Negeri Kelantan Berlandaskan Prinsip-prinsip Islam Untuk Kesejahteraan Ummah

04

05

MOTO KAMI

Penggerak Pembangunan Ummah



BAB 2

BAB 2

TINJAUAN MENGENAI ANTI RASUAH

2.1 POLISI PENCEGAHAN RASUAH PKINK

Di PKINK, kami komited untuk melaksanakan dan menguatkuasakan dasar dan prosedur yang berkesan dan teguh untuk mencegah, memantau dan menghapuskan rasuah.

Kami mempunyai pendirian toleransi sifar terhadap rasuah. Semua pegawai/ anggota, Bahagian dan rakan perniagaan PKINK adalah dilarang daripada meminta, menerima, memperoleh, menawarkan atau memberi rasuah dalam apa jua bentuk sekalipun, dan dikehendaki mematuhi undang-undang Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan sebarang pindaan seterusnya), undang-undang serta peraturan lain yang berkaitan.

PKINK berhak mengambil tindakan yang sewajarnya menurut sebagaimana ketetapan dasar, prosedur dan keperluan berkanun yang berkaitan terhadap sesiapa yang tidak mematuhi Polisi ini. Pegawai/ anggota, Bahagian atau rakan perniagaan yang didapati melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan Rasuah, Polisi ini atau polisi lain yang berkaitan dengan PKINK secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan Rasuah boleh dikenakan:

- tindakan tatatertib termasuk pemecatan pekerjaan untuk Pegawai / Anggota; atau
- penamatan kontrak perniagaan untuk kontraktor dan pemegang taruh luar; atau pendakwaan di bawah Akta SPRM 2009.

Polisi Pemberitahuan Maklumat kami menyediakan saluran yang selamat untuk semua pegawai / anggota dan pihak berkepentingan luar termasuk orang awam untuk mendedahkan sebarang kelakuan tidak wajar berkaitan operasi PKINK. Kami memastikan bahawa Polisi ini disampaikan dan difahami oleh seluruh lapisan PKINK dan tersedia di laman web rasmi kami untuk akses mudah kepada semua pihak berkepentingan.



BAB 2

TINJAUAN MENGENAI ANTI RASUAH

2.2 PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penilaian Risiko Rasuah PKINK telah dibincangkan dan dinilai pada bengkel Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang dikendalikan oleh perunding pada 26-27 Jun 2024. Seramai 35 peserta PKINK terdiri dari Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan, Timbalan -Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Pengurus-pengurus Kanan Bahagian, Pengurus-pengurus Bahagian dan pegawai/ anggota PKINK yang menyumbang pelbagai input dalam mengenal pasti pelbagai risiko rasuah dalam organisasi.

Bengkel ini dijalankan menggunakan metodologi pengurusan risiko antarabangsa yang diterima pakai bersama rujukan dari Malaysian Standard iaitu MS ISO 3100: 2010 dan MS2764:2022 yang meliputi:


- a Kewujudan Konteks
- b Penilaian Risiko dan
- c Rawatan Risiko



BAB 2

TINJAUAN MENGENAI ANTI RASUAH

Berikut adalah garis langkah-langkah yang terlibat dalam metodologi ini :



BAB 2

TINJAUAN MENGENAI ANTI RASUAH

2.3 10 RISIKO TERTINGGI

Sebanyak 73 risiko rasuah telah dikenal pasti berkaitan dengan pelbagai bahagian yang beroperasi di PKINK. Daripada jumlah ini, sebanyak 35 didokumentasikan dan telah melalui proses penilaian risiko rasuah terperinci yang seterusnya menghasilkan senarai kedudukan 10 risiko teratas. Senarai ini mengikut keutamaan berdasarkan potensi dan kesannya kepada operasi PKINK dan kemungkinan ianya berlaku. Butiran risiko ini ditunjukkan di bawah.

No	Risiko Rasuah	Bahagian Terlibat
1	Memberi rasuah untuk mengelakkan daripada dikenakan tindakan: »» Pegawai Audit merasuah Pegawai di Jabatan Audit Negara & Jabatan Audit SUK Negeri bagi mengelakkan isu penemuan audit disenaraikan ke dalam AG Dashboard. »» Tawaran rasuah kepada NGO supaya menutup mulut berkenaan sesuatu isu	»» Audit Dalaman »» Penyelidikan dan Pembangunan Perniagaan
2	Memberi rasuah kepada Pegawai Kerajaan untuk mempercepatkan proses kelulusan lesen atau permit	»» Bahagian Hartanah & Sumber Asli
3	Menerima rasuah bagi memberi dana/ dilantik tanpa mengikut SOP untuk mendapat: »» sokongan/ kelulusan permohonan/ cadangan projek »» Menentukan pemilihan penyewa premis adalah mengikut pengesyoran pihak tertentu »» Tender kontrak keselamatan dan kebersihan »» Kontrak pembekalan perkhidmatan »» Tawaran peruntukan projek penyelidikan »» Melantik firma guaman untuk menguruskan kes PKINK	»» Perancangan Korporat »» Hartanah dan Sumber Asli »» Penyelidikan dan Pembangunan Perniagaan »» Perundangan dan Integriti »» Pengurusan Harta »» Khidmat Teknikal
4	Membocorkan maklumat sulit untuk mendapat habuan untuk: »» Maklumat anggaran untuk memenangi sebut harga/ tender untuk pembekalan ICT Kontrak menerusi kolusi pembida dan Pegawai Undang-Undang »» Menaikkan sebut harga untuk mengadakan program integriti	»» Digital »» Khidmat Teknikal »» Perundangan dan Integriti »» Pengurusan Sumber Manusia

BAB 2

TINJAUAN MENGENAI ANTI RASUAH

5	Penyalahgunaan kuasa/ kedudukan untuk kepentingan sendiri untuk: »► Faedah peribadi dengan menggunakan kelebihan memegang jawatan tinggi »► Pemilihan syarikat pelabur yang tidak telus »► Pemilihan kontraktor yang tidak telus	»► Perancangan Korporat »► Pembangunan Usahawan & Pelaburan »► Khidmat Teknikal
6	Melaksanakan tugas tanpa mengikut prosedur ditetapkan untuk: »► Penyelewengan dalam penyelenggaraan/ servis peralatan teknikal »► Pengambilan pegawai/ anggota secara kronisme »► Penyediaan dokumen kontrak/ projek usahasama tanpa proses tender yang adil	»► Khidmat Teknikal »► Pengurusan Sumber Manusia »► Perundangan dan Integriti
7	Meluluskan tuntutan palsu untuk pembayaran kepada pemohon untuk: »► Kelulusan pembayaran kemajuan projek »► Perbelanjaan penyelidikan, perjalanan atau penginapan »► Pemalsuan dokumen untuk tujuan tuntutan »► Pembayaran kepada pembekal yang tidak wujud	»► Kewangan »► Khidmat Teknikal »► Pengurusan Sumber Manusia »► Penyelidikan dan Pembangunan Perniagaan
8	Memanipulasi maklumat/ data dalam penyediaan rekod kewangan/ laporan/ kertas cadangan	»► Perancangan Korporat
9	Menerima rasuah untuk: »► Menutup atau tidak meneruskan kes/ siasatan »► Menungguh pembayaran sewa	»► Perundangan & Integriti »► Pengurusan Harta
10	Menerima rasuah supaya: »► Tidak melaporkan kehilangan stok atau wang »► Tidak memasukkan isu ke dalam surat pengurusan	»► Audit Dalaman

Kesemua 10 risiko ini bersama dengan pelan tindakannya membentuk asas untuk OACP PKINK.



BAB 3

BAB 3

PEMBANGUNAN OACP PKINK

3.1 PENGENALAN KEPADA OACP

Bahagian ini menyediakan pengenalan kepada OACP dengan menerangkan konsep 5W1H (**Apa, Siapa, Bila, Di mana, Kenapa dan Bagaimana**).

APA: OACP ialah satu pelan berskala tahunan yang menggariskan strategi PKINK untuk meningkatkan tahap integriti dan ketelusan operasinya bagi mengurangkan risiko rasuah.

SIAPA: OACP terpakai kepada semua Bahagian operasi PKINK yang berkaitan. Ia diketuai dan disahkan oleh Bahagian, di mana Unit Integriti bertindak sebagai Ketua Penyelaras projek.

Ia melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar PKINK termasuk pegawai/ anggota, kontraktor, pembekal dan pihak ketiga.

KENAPA: PKINK mengakui kesan isu rasuah ke atas pegawai/ anggota, operasi dan masyarakat secara amnya. Trend dalam landskap kerja hari ini adalah untuk memerangi ancaman peningkatan rasuah dengan memperkukuh langkah-langkah pencegahan rasuah dan meningkatkan kesedaran dan amalan di kalangan semua pihak berkepentingan. Kerajaan Malaysia turut mengakui ancaman ini dan sedang menerajui inisiatif transformasi Anti Rasuah di peringkat nasional melalui pembangunan dan pelaksanaan OACP di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan pusat.

PKINK kini memulakan transformasi ini untuk menangani cabaran selaras dengan aspirasi Kerajaan melalui Pelan Strategi Anti Rasuah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah. OACP ini akan meningkatkan tahap integriti dan ketelusan yang diamalkan oleh PKINK. Ini akan meningkatkan lagi nilai PKINK sebagai badan berkanun negeri yang berkualiti, sekaligus melonjakkan reputasi kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

BILA: Jangka masa untuk OACP ini adalah selama 5 tahun. Ia akan disemak semula secara berkala bagi menangani sebarang perubahan dalam risiko operasi yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa disebabkan oleh keadaan pasaran yang berbeza dan perubahan kepada Pelan Strategik Organisasi PKINK.

DI MANA: OACP ini akan memberi kesan kepada setiap pegawai/ anggota PKINK dan akan diamalkan oleh semua peringkat tanpa berkecuali sama ada Pengurusan Tertinggi dan semua pegawai/ anggota. OACP ini akan disematkan sebagai salah satu falsafah teras dan budaya organisasi, dan diamalkan di mana-mana sahaja PKINK beroperasi.

BAGAIMANA: Laluan ke arah pembangunan OACP ini bermula dengan penubuhan Unit Integriti, yang melantik perunding untuk menjalankan latihan CRA untuk mengenal pasti risiko rasuah dalam PKINK. Ini membawa kepada bengkel OACP pada bulan September 2024 untuk memperhalusi dan memperkemas risiko yang dikenal pasti, dan menghasilkan dokumen ini yang menerangkan rangka kerja pelaksanaan Pelan Tindakan Anti Rasuah PKINK.

OACP ini hendaklah dimaklumkan secara berkesan kepada semua pihak berkepentingan, termasuk dalaman dan luaran untuk memastikan ia difahami dan dilaksanakan dengan baik.

Ia akan dianggap sebagai dokumen hidup yang akan membimbing PKINK dalam mencapai objektif Anti Rasuahnya. Diharapkan hasil ini akan dapat mengubah landskap PKINK menjadi organisasi yang mempunyai tahap integriti yang tinggi.

BAB 3

PEMBANGUNAN OACP PKINK

3.2 OBJEKTIF OACP

OACP bertujuan untuk menyediakan satu pelan yang komprehensif yang menggariskan tindakan yang jelas dan boleh diukur dalam inisiatif pencegahan rasuah organisasi. Ia dibangunkan dengan objektif berikut:



Objektif ini akan membantu PKINK dalam membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuahnya sendiri. Ia menggariskan isu-isu yang menyumbang kepada amalan rasuah dan mentakrifkan pendekatan dan juga program (inisiatif) yang bertujuan untuk menanganinya termasuk:

- pelaksanaan tugas;
- penyampaian perkhidmatan; dan
- pemantauan dan semakan.

Semua inisiatif ini akan dikaitkan dengan rangka kerja OACP PKINK di mana terdapat prinsip tatakelola baik dan matlamat strategik pencegahan rasuah dan juga akan menyumbang kepada merealisasikan Visi dan Misi PKINK.



BAB 3

PEMBANGUNAN OACP PKINK

3.3 PENDEKATAN 7 LANGKAH

Dengan menggunakan rangka kerja ISO 3100: 2010 dan Standard Malaysia MS2764: 2022 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan Jabatan Standard Malaysia, pendekatan 7 langkah digunakan untuk membangunkan OACP di PKINK. Pendekatan ini menghasilkan pelan hala tuju yang jelas dan komprehensif dengan inisiatif pencegahan rasuah bagi tempoh 2024 – 2028.

Untuk memastikan kejayaan dalam memenuhi objektifnya, OACP memperuntukkan Pegawai Yang Bertanggungjawab (PYB) dan garis masa bagi memantau setiap inisiatif sehingga mendapat keputusan yang memuaskan.

Di antara objektif utama termasuk:

- Satu mekanisme untuk menurunkan risiko rasuah utama yang telah dikenal pasti;
- Melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam dan di luar PKINK;
- Menangani budaya dan amalan etika di tempat kerja;
- Pemantauan dan penilaian yang berterusan;
- Menggabungkan petunjuk yang boleh diukur dan dijejaki;
- Semakan pertengahan penggal; dan
- Selaras dengan peningkatan tahap integriti PKINK

Berikut ialah proses utama pendekatan 7 langkah:



BAB 3

PEMBANGUNAN OACP PKINK

3.4 BIDANG KEUTAMAAN DAN MATLAMAT STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

Risiko yang dikenal pasti daripada bengkel CRM dan OACP adalah berkaitan dengan operasi PKINK, iaitu memberi khidmat yang berkualiti dan selari dengan pengurusan belanjawannya yang cekap bagi menghasilkan nilai dan meningkatkan reputasinya sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan budaya integriti.

Berdasarkan ini, 4 bidang keutamaan telah dikenal pasti seperti berikut:



Setiap inisiatif OACP dikategorikan di bawah salah satu daripada 4 Bidang Keutamaan ini.

Bidang Keutamaan ini mencerminkan kedua-dua matlamat teras PKINK iaitu model operasinya dan bagaimana OACP ini akan dilaksanakan untuk menangani pelbagai bidang berisiko tinggi yang telah dikenal pasti. Perhubungan ini menekankan cara PKINK melihat OACP ini bukan sekadar satu keperluan pematuhan dalaman. Dengan mengurangkan kos melaksanakan kerja dan mengukuhkan operasi keseluruhan PKINK, OACP ini boleh menyumbang secara langsung dalam menangani risiko rasuah sambil memenuhi matlamat Misi dan Visinya.

MATLAMAT STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

Setiap prinsip tatakelola baik dan strategi telah diperkemas bagi mencapai satu Matlamat Pencegahan Rasuah yang kemas dan mantap. Matlamat Strategik Pencegahan Rasuah ini adalah berkait secara langsung dengan bidang strategi dan prinsip tatakelola baik PKINK.

Matlamat ini menggariskan hasil yang disasarkan oleh PKINK daripada beberapa inisiatif yang telah dikumpulkan di bawah setiap bidang strategi dan prinsip tatakelola yang baik. Berdasarkan ini, kesemua inisiatif di dalam OACP ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian objektif PKINK.



BAB 3

PEMBANGUNAN OACP PKINK


3.5 RANGKA KERJA OACP

Berikut adalah garis besar rangka kerja yang menghubungkan model operasi PKINK dengan inisiatif OACP.

Ia menerangkan Visi dan Misi PKINK bersama-sama dengan tema strategik dan keputusannya. Ini diikuti oleh 4 bidang strategi bersama dengan matlamat Anti Rasuah yang berkaitan. Pautan kritikal adalah antara tema strategik (mewakili model operasi PKINK) dan bidang strategi dan tatakelola baik (mewakili inisiatif OACP).

Akhir sekali, kesemua inisiatif OACP di PKINK dikumpulkan mengikut tahun pelaksanaannya. Ini menghasilkan satu rangka kerja yang komprehensif, bermula dengan Visi dan Misi PKINK sehingga ke tahap inisiatif-inisiatif OACP.

RANGKA KERJA OACP PKINK





BAB 4

BAB 4
PELAN TINDAKAN OACP

4.1 PRINSIP DAN MATLAMAT STRATEGIK

Sebagai salah sebuah agensi badan berkanun dokumen OACP PKINK dirangka mengikut prinsip dan matlamat strategik yang digunapakai dalam Strategi Anti Rasuah Nasional (NACS) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dan berkuatkuasa dari tahun 2024 hingga 2028.

Terdapat 4 Prinsip Tatakelola utama yang digariskan di dalam NACS iaitu:

- A** **Ketelusan:** Menjunjung prinsip ketelusan demi mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan;
- B** **Memperkukuh Akauntabiliti:** Memastikan pemimpin sektor awam bertanggungjawab di atas setiap keputusan yang dibuat;
- C** **Kecekapan:** Mengukur pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang mempunyai kesan positif dan memanfaatkan sumber secara optimum demi kemajuan Negara dan rakyat; dan
- D** **Keberkesanan:** Memastikan setiap dasar dan inisiatif yang diputuskan terlaksana selari dengan hasrat tujuannya dan dilaksanakan dengan berkesan melalui pemantauan berkala yang strategik dan sistemik.

Sumber: Dokumen NACS 2024-2028, muka 27 dan 28

Memandangkan strategi-strategi ini meliputi semua inisiatif yang dibincang dan dimuktamadkan semasa bengkel OACP, ia telah dimasukkan ke dalam dokumen OACP PKINK.

Setiap strategi mempunyai matlamat Anti Rasuah yang sehalu dengan Visi dan Misi PKINK.

Strategi	Matlamat Anti Rasuah
Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran	Mewujudkan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang telus dan bebas
Perkhidmatan Tadbir Urus yang Baik	Mengukuhkan tadbir urus melalui penguatkuasaan dasar Anti Rasuah yang jelas
Pendidikan dan Latihan	Meningkatkan kesedaran dan kompetensi pegawai dan anggota
Kawalan Dalaman dan Pemantauan	Memperkasakan kawalan dalaman melalui pengawasan berkala audit dan pemantauan ketat

BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

4.2 PARAMETER UTAMA

Semasa bengkel CRM dan OACP yang menyumbang kepada dokumen ini, peserta telah mengenal pasti 25 inisiatif yang dianggap perlu untuk mengurangkan 10 risiko rasuah seperti yang disenaraikan dalam Bab 2. Untuk memastikan pelaksanaannya berjaya, beberapa parameter tertentu yang dianggap perlu telah diberikan tumpuan kepada inisiatif ini termasuk:



TANGGUNGJAWAB

Mengenal pasti bahagian yang bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif tersebut. Bahagian ini akan mendapat manfaat secara langsung daripada kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut. Pendekatan ini juga memastikan penglibatan semua pihak berkepentingan dengan PKINK dalam bengkel ini dan mengurangkan beban tanggungjawab dipikul sepenuhnya oleh Unit Integriti.



GARIS MASA

Mengenal pasti tahun inisiatif itu akan disiapkan. Ini ditentukan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti berapa segera pelaksanaan inisiatif perlu dilaksanakan, kesediaan untuk melaksanakan dan tahap sumber sedia ada. Tempoh OACP PKINK adalah sedang berjalan, di mana ianya perlu disiapkan pada tempoh kadar yang segera iaitu pada tahun 2024. Keseluruhan tempoh 5 tahun dari tahun 2024 hingga 2028. 4 garis masa telah dikenal pasti dalam tempoh ini bagi mentakrifkan setiap inisiatif iaitu:



BAB 4


PELAN TINDAKAN OACP

4.3 PECAHAN BIDANG KEUTAMAAN (STRATEGI)

Terdapat 25 inisiatif OACP yang disenaraikan mengikut 4 Strategi PKINK seperti berikut:

PECAHAN BIDANG KEUTAMAAN

Bidang Keutamaan	Jumlah
Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran	03
Perkhidmatan Tadbir Urus yang Baik	07
Pendidikan dan Latihan	04
Kawalan Dalaman dan Pemantauan	11



BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

4.4 GAMBARAN KESELURUHAN OACP PKINK

Rajah berikut memberikan perspektif keseluruhan untuk 25 Inisiatif OACP PKINK yang dikumpulkan mengikut 4 Strategi. Setiap Strategi menunjukkan inisiatif yang berkaitan dan garis masa untuk disiapkan:

- 1 Memastikan ketelusan dalam setiap transaksi kewangan dan mempertingkatkan akauntabiliti awam dalam pengurusan dan pelaporan penyata kewangan.
- 2 Menubuhkan jawatankuasa khas terdiri daripada wakil-wakil agensi pencegah rasuah, audit dalaman, dan pihak berkuasa untuk memantau dan mneyiasat kes rasuah.
- 3 Mewujudkan sistem pengurusan aset untuk memastikan bahawa proses pelupusan dan pengendalian aset mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.
-
- 1 Mewujudkan dan menguatkuasakan dasar anti rasuah yang jelas dan tegas dalam semua aspek pengurusan organisasi
- 2 Semakan latar belakang bagi memastikan panel dan calon tidak mempunyai pertalian hubungan keluarga atau perkaitan dalam proses pengambilan pegawai / anggota rekod jenayah.
- 3 Mengemaskini dan memperbaiki semua SOP dan Manual Authoriti Korporat dengan memasukkan klausa anti rasuah serta mematuhi situasi semasa.
- 4 Membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) untuk mengukuhkan budaya integriti dan mencegah risiko rasuah.
- 5 Melakukan pengyiasatan menyeluruh terhadap dakwaan penerimaan rasuah, termasuk pengumpulan bukti dan keterangan daripada saksi yang relevan.
- 6 Mewujudkan Unit Pemantauan dan Risiko bagi pemeriksaan rapi terhadap setiap transaksi, operasi, dan perkhidmatan untuk memastikan kepatuhan kepada prosedur dan undang-undang.
- 7 Mengemaskini dan memperketatkan kawalan dalaman untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan.



01

Ketelusan dan Akauntabiliti dalam pentadbiran

Mewujudkan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang telus dan bebas.



02

Perkhidmatan Tadbir Urus yang Baik

Mengukuhkan tadbir urus melalui penguatkuasaan dasar Anti Rasuah yang jelas

Jangka Masa

Sedang Berjalan

Pendek

Sederhana

Panjang

2024

2025

2026-2027

2028

BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

03

Pendidikan dan Latihan

Meningkatkan kesedaran dan kompetensi pegawai dan anggota

04

Kawalan Dalaman & Pemantauan

Memperkasakan kawalan dalaman melalui pengawasan berkala audit dan pemantauan ketat

- 1 Menyediakan strategi perhubungan dengan pihak berkepentingan untuk menangani isu reputasi dan ketelusan dalam organisasi.
 - 2 Menjalankan kempen kesedaran mengenai kepentingan ketelusan, akauntabiliti, dan akibat menerima serta memberi rasuah.
 - 3 Mewajibkan kehadiran ke kursus berkaitan jenayah kewangan dan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai jenayah kewangan.
 - 4 Menyediakan Latihan dan kursus secara berkala bagi memberi pendedahan dan pendidikan berkenaan integrity kepada semua pegawai/ anggota yang terlibat dalam pengurusan kewangan.
-
- 1 Menyediakan portal aduan dan mekanisme lain yang memudahkan orang awam untuk membuat aduan dan melindungi pemberi maklumat daripada sebarang bentuk penindasan.
 - 2 Mewujudkan saluran pelaporan yang selamat untuk melindungi pemberi maklumat dan meningkatkan keyakinan kakitangan terhadap penggunaannya.
 - 3 Melaksanakan pengauditan berkala oleh pihak ketiga yang bebas untuk mengesan dan mencegah penyelewengan serta memastikan ketelusan dalam pengurusan kewangan.
 - 4 Menubuhkan unit pengawasan bebas yang bertanggungjawab memantau aliran dana dan memastikan setiap perbelanjaan adalah sah dan wajar.
 - 5 Mengemaskini dan memperketatkan SOP pembelian, pembekalan, dan perkhidmatan untuk memastikan kepatuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan.
 - 6 Menyediakan program latihan dan kursus berkala mengenai pengurusan kewangan, etika dan integriti untuk meningkatkan kompetensi dan kesedaran di kalangan semua pegawai/ anggota.
 - 7 Memperbanyakkan aktiviti ke arah pendedahan tentang pengurusan kewangan dan kesan menerima serta memberi rasuah.
 - 8 Melaksanakan pengawasan berkala terhadap proses pelupusan semua aset jabatan untuk memastikan pematuhan kepada pekeliling yang ditetapkan dan mencegah sebarang tindakan rasuah.
 - 9 Menjalankan pengukuran dan pemantauan berkala terhadap keberkesanan kawalan untuk memastikan pematuhan dan pencegahan rasuah yang berkesan.
 - 10 Melaksanakan tindakan tatatertib dan penguatkuasaan yang tegas terhadap pegawai/anggota yang terlibat dalam penyelewengan, termasuk pendakwaan dan hukuman setimpal.
 - 11 Memastikan tindakan tatatertib wajib dikenakan kepada pegawai/anggota yang terlibat apabila kesalahan berlaku.


BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

4.5 IMPAK DAN KERUMITAN

Kesemua 25 inisiatif OACP PKINK ini mempunyai tahap impak dan kerumitan yang berbeza. Dalam menentukan sumber dan masa yang diperlukan untuk menyelesaikannya, adalah penting untuk memastikan pemahaman yang jelas mengenai dua dimensi tersebut.

Terdapat 4 sukuan yang mewakili pelbagai tahap impak dan kerumitan digunakan iaitu Impak (Tinggi), Impak (Rendah), Kerumitan (Tinggi), Kerumitan (Rendah).



SUKUAN A

Mewakili inisiatif Impak Tinggi, Kerumitan Rendah



SUKUAN C

Mewakili inisiatif Impak Rendah, Kerumitan Rendah



SUKUAN B

Mewakili inisiatif Impak Tinggi, Kerumitan Tinggi



SUKUAN D

Mewakili inisiatif Impak Rendah, Kerumitan Tinggi

BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

4.6 SUKUAN IMPAK DAN KERUMITAN

Kumpulan ini dirujuk semasa menyediakan strategi bagi setiap inisiatif, dan bagi menentukan sama ada ianya ditakrif sebagai Sedang Berjalan, Jangka Pendek, Sederhana atau Panjang.

Berdasarkan sukuan ini, 25 inisiatif OACP PKINK telah dikumpulkan sebagaimana berikut:

MAKLUMAT STRATEGIK, IMPAK DAN KERUMITAN DAN JANGKA MASA

Bil	Butiran Inisiatif	Strategik	Impak		Kerumitan		Jangka masa
			Rendah	Tinggi	Rendah	Tinggi	
1	Memastikan ketelusan dalam setiap transaksi kewangan dan mempertingkatkan akauntabiliti awam dalam pengurusan dan pelaporan penyata kewangan.	Strategik 1 Ketelusan & Akauntabiliti		✓		✓	Sedang Berjalan
2	Menyediakan portal aduan dan mekanisme lain yang memudahkan orang awam untuk membuat aduan dan melindungi pemberi maklumat daripada sebarang bentuk penindasan.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan	✓		✓		H3 2027
3	Mewujudkan saluran pelaporan yang selamat untuk melindungi pemberi maklumat dan meningkatkan keyakinan pegawai/anggota terhadap penggunaannya.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan	✓		✓		H3 2025
4	Melaksanakan pengauditan berkala oleh pihak ketiga yang bebas untuk mengesan dan mencegah penyelewengan serta memastikan ketelusan dalam pengurusan kewangan.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan		✓		✓	Sedang Berjalan
5	Menubuhkan unit pengawasan bebas yang bertanggungjawab memantau aliran dana dan memastikan setiap perbelanjaan adalah sah dan wajar.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan		✓		✓	H2 2025
6	Mengemaskini dan memperketatkan SOP pembelian, pembekalan, dan perkhidmatan untuk memastikan kepatuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan		✓		✓	H2 2028
7	Mewujudkan dan menguatkuasakan dasar Anti Rasuah yang jelas dan tegas dalam semua aspek pengurusan organisasi.	Strategik 2 Tadbir Urus Yang Baik		✓		✓	Sedang Berjalan

Jangka Masa	Sedang Berjalan	Pendek	Sederhana	Panjang
	2024	2025	2026-2027	2028

BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

4.6 SUKUAN IMPAK DAN KERUMITAN

MAKLUMAT STRATEGIK, IMPAK DAN KERUMITAN DAN JANGKA MASA

Bil	Butiran Inisiatif	Strategik	Impak		Kerumitan		Jangka masa
			Rendah	Tinggi	Rendah	Tinggi	
8	Menubuhkan jawatankuasa khas terdiri daripada wakil-wakil agensi pencegahan rasuah, audit dalaman, dan pihak berkuasa untuk memantau dan menyiasat kes rasuah.	Strategik 1 Ketelusan & Akauntabiliti		☒		☒	H3 2025
9	Semakan latar belakang bagi memastikan panel dan calon tidak mempunyai pertalian hubungan keluarga atau perkaitan dalam proses pengambilalihan pegawai/ anggota.	Strategik 2 Tadbir Urus Yang Baik		☒		☒	H1 2028
10	Menyediakan strategi perhubungan dengan pihak berkepentingan untuk menangani isu reputasi dan ketelusan dalam organisasi.	Strategik 3 Pendidikan dan Latihan		☒	☒		H3 2025
11	Mengemaskini dan memperbaiki semua SOP dan Manual Aothoriti Korporat dengan memasukkan klausa Anti Rasuah serta mematuhi situasi semasa.	Strategik 2 Tadbir Urus Yang Baik		☒	☒		H1 2026
12	Membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) untuk mengukuhkan budaya integriti dan mencegah risiko rasuah.	Strategik 2 Tadbir Urus Yang Baik	☒		☒		Sedang Berjalan
13	Menyediakan program latihan dan kursus berkala mengenai pengurusan kewangan, etika, dan integriti untuk meningkatkan kompetensi dan kesedaran di kalangan semua pegawai/ anggota.	Strategik 4 Kawalan Dalaman dan Pemantauan		☒	☒		Sedang Berjalan
14	Menjalankan kempen kesedaran mengenai kepentingan ketelusan, akauntabiliti, dan akibat menerima serta memberi rasuah.	Strategik 3 Pendidikan dan Latihan		☒	☒		Sedang Berjalan
15	Menyediakan latihan dan kursus secara berkala bagi memberi pendedahan dan pendidikan berkenaan integriti kepada semua pegawai/ anggota yang terlibat dalam pengurusan kewangan.	Strategik 3 Pendidikan dan Latihan		☒	☒		Sedang Berjalan
16	Memperbanyakkan kursus dan pendedahan tentang pengurusan kewangan dan kesan menerima serta memberi rasuah.	Strategik 4 Kawalan Dalaman dan Pemantauan		☒	☒		H2 2025

BAB 4

PELAN TINDAKAN OACP

4.6 SUKUAN IMPAK DAN KERUMITAN

MAKLUMAT STRATEGIK, IMPAK DAN KERUMITAN DAN JANGKA MASA

Bil	Butiran Inisiatif	Strategik	Impak		Kerumitan		Jangka masa
			Rendah	Tinggi	Rendah	Tinggi	
17	Mewajibkan kehadiran ke kursus berkaitan jenayah kewangan dan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai jenayah kewangan.	Strategik 3 Pendidikan dan Latihan		☒	☒		H2 2025
18	Melaksanakan pengawasan berkala terhadap proses pelupusan semua aset jabatan untuk memastikan pematuhan kepada pekeling yang ditetapkan dan mencegah sebarang tindakan rasuah.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan		☒		☒	H2 2026
19	Melakukan penyiasatan menyeluruh terhadap dakwaan penerimaan rasuah, termasuk pengumpulan bukti dan keterangan daripada saksi yang relevan.	Strategik 2 Tadbir Urus Yang Baik		☒		☒	H3 2025
20	Menjalankan pengukuran dan pemantauan berkala terhadap keberkesanan kawalan untuk memastikan pematuhan dan pencegahan rasuah yang berkesan.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan		☒		☒	H3 2025
21	Mewujudkan sistem pengurusan aset untuk memastikan bahawa proses pelupusan dan pengendalian aset mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.	Strategik 1 Ketelusan & Akauntabiliti		☒		☒	H1 2028
22	Mewujudkan Unit Pamatuhan & Risiko bagi pemeriksaan rapi terhadap setiap transaksi, operasi, dan perkhidmatan untuk memastikan kepatuhan kepada prosedur dan undang-undang.	Strategik 2 Tadbir Urus Yang Baik		☒		☒	H1 2026
23	Melaksanakan tindakan tatatertib dan penguatkuasaan yang tegas terhadap individu yang terlibat dalam penyelewengan, termasuk pendakwaan dan hukuman setimpal.	Strategik 4 Kawalan Dalam dan Pemantauan		☒		☒	Sedang Berjalan
